

TEKS UCAPAN PELANCARAN

**YB DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
CARETAKER MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA**

**SEMPENA
PELANCARAN KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA 2022
DAN
PELANCARAN LOGO BUATAN MALAYSIA**

14 OKTOBER 2022

BERTEMPAT DI:

**PERKARANGAN ANGSANA JOHOR BAHRU MALL,
JOHOR BAHRU, JOHOR**

Yang Berbahagia Saudara Pengacara Majlis

- 1. Yang Amat Berhormat Datuk Onn Hafiz Bin Ghazi
Menteri Besar Johor**
- 2. Yang Berbahagia Datuk Azman Bin Mohd Yusof
Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan
Hal Ehwal Pengguna**
- 3. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Dr Haji Azmi Bin Rohani
Setiausaha Kerajaan Negeri Johor**
- 4. Yang Berhormat Tuan Lee Ting Han
Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan Dan Hal
Ehwal Pengguna Negeri Johor**
- 5. Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Haffiz Bin Haji Ahmad
Datuk Bandar Iskandar Puteri**
- 6. Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Noorazam Bin Dato' Haji
Osman
Datuk Bandar Johor Bahru**
- 7. Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman Bin Salleh
Pegawai Daerah Johor Bahru**
- 8. Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian**
- 9. Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan Negeri Johor**
- 10. Ketua-Ketua Pengarah Dan Wakil-Wakil Badan Korporat**
- 11. Usahawan-Usahawan Tempatan**
- 12. Rakan-Rakan Media**
- 13. Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Hadirin Yang Saya Hormati Sekalian**

Salam sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia,

1. Pertamanya saya ingin mengucapkan syukur kerana dapat kita semua hadir ke majlis pelancaran Kempen Beli Barangan Malaysia 2022 bersempena dengan Karnival Barangan Malaysia 2022 yang bertempat di perkarangan Angsana Johor Bahru Mall pada hari ini.
2. Saya juga ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada kerajaan negeri Johor terutamanya **Yang Amat Berhormat Datuk Onn Hafiz Bin Ghazi, Menteri Besar Johor** di atas kerjasama yang diberikan dalam penganjuran Karnival Barangan Malaysia 2022 dan sudi untuk bersama-sama dalam majlis yang amat bermakna ini.

Hadirin yang saya kasihi,

Barangan Malaysia, gah di mata dunia;

Barangan Malaysia, memacu ekonomi dunia;

Barangan Malaysia, setanding jenama terhebat dunia

3. Inilah harapan yang sering kita impikan setiap kali kita berbicara mengenai barangan buatan Malaysia. Tidakkah ini yang kita mahukan untuk jenama atau barangan Malaysia dikenali di setiap pelosok dunia? Kenderaan Malaysia setanding Mercedes, makanan Malaysia setanding McDonald's, gajet Malaysia setanding Apple, dan peralatan elektrik setanding Panasonic mahupun Samsung.
4. Tidak salah untuk kita mempunyai impian seperti itu kerana dari impianlah, wujudnya keberanian untuk kita mencuba dan pergi lebih

jauh dalam memartabatkan barangan Malaysia sekaligus membawa jenama dan produk Malaysia ke peringkat yang lebih tinggi.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

5. Saya mulakan ucapan saya dengan satu impian yang tinggi, harapan dan impian untuk kita gapai kerana saya amat yakin dengan kemampuan produk mahupun jenama produk tempatan. Saya yakin barangan Malaysia ini setanding barangan jenama antarabangsa yang lain malah ada yang lebih baik dan lebih murah di pasaran.
6. Jika ramuannya tepat, tentu sekali hasilnya berkualiti. Itulah yang perlu kita cari untuk memartabatkan barangan Malaysia ini. Gabungan keistimewaan dan keunikan kepelbagaian etnik serta hasil semulajadi, ditambah pula dengan usaha yang berterusan dari semua pihak, saya yakin, produk barangan buatan Malaysia mampu pergi lebih jauh.

Tuan-tuan dan puan-puan,

7. Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) merupakan sebuah inisiatif yang telah diperkenalkan oleh kerajaan dan diterajui oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP). Kempen ini sebenarnya merupakan kempen yang berterusan dimana kempen ini telah dimulakan sejak tahun 1984 lagi dan telah dijenamakan semula kepada KBBM pada tahun 2009 bagi memberi satu nafas baru terhadap kempen ini.

8. Kempen ini dilaksanakan bagi mencapai objektifnya iaitu untuk meningkatkan semangat patriotisme di kalangan keluarga Malaysia terhadap barangan dan perkhidmatan buatan Malaysia, merangsang pertumbuhan ekonomi domestik dengan meningkatkan pembelian barangan tempatan, meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kualiti produk serta perkhidmatan buatan Malaysia yang mampu bersaing di peringkat antarabangsa, dan membantu pengusaha tempatan dalam memasarkan produk dan perkhidmatan mereka.
9. Setiap tahun, pelbagai inisiatif strategik baru diperkenalkan oleh kementerian dalam memastikan Kempen Beli Barangan Malaysia ini sentiasa relevan dan tidak hanya diterima rakyat sebagai sebuah kempen biasa tetapi bagi sentiasa memupuk dan meningkatkan semangat patriotik dikalangan rakyat untuk mengangkat jenama barangan Malaysia dipersada dunia. Kalau bukan kita untuk berbangga dengan produk tempatan kita, siapa lagi? Kitalah penggerak utama dalam menjulang barang kita. Barang baik, barang kita.
10. Pada tahun ini, antara inisiatif-inisiatif strategik KBBM yang telah dan sedang dijalankan termasuklah inisiatif pemerkasaan produk tempatan di dalam industri peruncitan tempatan, inisiatif penembusan serta promosi jualan dan pemasaran dalam talian, inisiatif pembangunan produk, inisiatif jualan bertema berdasarkan segmen khusus dan juga pelaksanaan Karnival Barangan Malaysia pada hari ini.
11. Melalui inisiatif-inisiatif ini, kita mahu memastikan produk-produk kita ini berjaya menembusi pasaran atau industri peruncitan mahupun melalui platform dalam talian ataupun *marketplace* dengan

membantu usahawan-usahawan dalam memperkasa dan membangunkan produk-produk mereka.

12. Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan, sekarang juga sedang berlangsung jualan bertemakan segmen khusus, sebuah inisiatif baru yang mula diperkenalkan tahun lalu tetapi diperhebatkan lagi pada tahun ini. Kementerian telah menjalinkan kerjasama strategik bersama Kraftangan Malaysia dalam pelaksanaan jualan promosi kraf yang diadakan di Publika Shopping Gallery, Kuala Lumpur bermula 10 Oktober hingga 16 Oktober 2022 dan juga kerjasama strategik bersama *Malaysian Bumiputera Designer Association* atau dikenali sebagai MBDA dalam pelaksanaan jualan menerusi segmen fesyen dengan nama *My Gaya Month* yang sedang diadakan di Fahrenheit88, Kuala Lumpur bermula 8 Oktober 2022 hingga 10 November 2022.
13. Seterusnya, Karnival Barangan Malaysia yang kita bawakan khas buat julung-julung kalinya pada hari ini, di negeri Johor ini. Inisiatif baru yang kita perkenalkan ini bertujuan membawa dan mempromosikan barangan-barangan Malaysia secara besar-besaran supaya produk-produk kita ini lebih dikenali oleh semua lapisan masyarakat mahupun pelancong asing.
14. Hari ini, kita turut berjaya mengumpulkan syarikat-syarikat tempatan besar untuk bersama kita. Kita ada Petronas, kita ada Modenas, Proton, dan Perodua. Kita juga ada syarikat *marketplace* terkemuka seperti Shopee, Lazada dan PG Mall. Ini menunjukkan komitmen kita bersama untuk membantu dalam memartabatkan barangan tempatan. Ini adalah usaha berterusan antara semua pihak.

Tuan-tuan, puan-puan sekalian,

15. Keberkesanan kempen ini dapat dilihat apabila rakyat mula memilih untuk membeli barangan Malaysia menerusi trend peningkatan jualan bermula sejak beberapa tahun yang lalu termasuklah ketika negara dilanda pandemik Covid-19.
16. Jumlah catatan jualan pada tahun lepas sahaja telah mencatatkan sebanyak **RM142 juta jumlah jualan** dan **1.07 juta jumlah SKU** melalui *marketplace* manakala rekod di pelbagai rangkaian pasaraya besar, pasaraya, kedai serbaneka dan kedai sebaneka di stesen minyak pula telah mencapai jualan lebih **173 ribu SKU** dan nilai jualan keseluruhan bernilai **RM3.08 billion**.
17. Ini merupakan satu pencapaian yang membanggakan kita kerana melalui peningkatan trend hasil jualan ini, jelas menunjukkan rakyat mula beralih ke barangan keluaran Malaysia dan pastinya akan membantu dalam merangsang ekonomi domestik serta memberi manfaat kepada semua secara amnya.
18. Justeru itu, bagi tahun 2022 ini, kerajaan telah meletakkan sasaran untuk dicapai iaitu **peningkatan jumlah jualan sebanyak 2.5%** berbanding tahun lalu walaupun pelbagai cabaran dihadapi pada tahun ini termasuklah krisis inflasi dan kegawatan ekonomi dunia.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

19. Menyedari banyak lagi produk keluaran tempatan yang unik, berkualiti tinggi dan berpotensi untuk menembusi pasaran dalam dan luar negara dengan lebih meluas, KPDNHEP hari ini turut **melancarkan penandaan Logo Barangan Malaysia yang baharu.**
20. Penambahbaikan ini merangkumi **peluasan kategori logo kepada Produk Malaysia, Buatan Malaysia dan Rekaan Malaysia** ini bertujuan untuk memberi peluang kepada lebih banyak syarikat untuk memohon dan mendapat pengiktirafan penandaan Logo Barangan Malaysia. Tarikh kuatkuasa penandaan Logo Barangan Malaysia adalah bermula 1 November 2022.
21. Ini selaras hasrat kementerian untuk melihat lebih banyak produk keluaran tempatan diiktiraf dan dikenali di peringkat domestik dan antarabangsa. Penandaan Logo Buatan Malaysia ini memberi nilai tambah dan jaminan kualiti terhadap sesuatu produk keluaran tempatan kerana penggunaan logo ini perlu melalui prosedur permohonan dan tidak diberikan sewenang-wenangnya. Ini juga secara tidak langsung mewujudkan permintaan terhadap bahan mentah utama yang dikeluarkan dalam negara dan seterusnya meningkatkan aliran tunai dalam ekonomi domestik.
22. Selaras dengan usaha ini, kita mensasarkan agar lebih banyak produk/barangan tempatan berkualiti dapat dihasilkan supaya kita tidak lagi perlu bergantung kepada produk luar negara serta dapat mengurangkan kemasukan barangan import.

Tuan-tuan dan puan-puan,

23. Saya percaya bahawa rakyat Malaysia sekarang lebih bijak memilih serta menilai kualiti sesuatu barangan dan saya juga yakin bahawa kualiti produk-produk tempatan yang kita ada sememangnya berkualiti dan setanding dengan produk-produk luar. Justeru, kita sebagai pengguna boleh membuat pilihan yang lebih tepat dengan membeli serta memilih barangan Malaysia. Hanya dengan berbelanja, impaknya akan melimpah dan kitaran ekonomi ini akan memberikan manfaat kepada semua secara amnya.
24. Akhir kata, saya berharap agar semua pihak yang terlibat termasuk agensi-agensi kerajaan, pihak swasta, rakan-rakan strategik dan pihak industri yang terlibat dalam menjayakan Karnival Barangan Malaysia dan Kempen Beli Barangan Malaysia ini akan terus bersama-sama menyokong kempen ini untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan.
25. Saya dengan ini **melancarkan Kempen Beli Barangan Malaysia bagi Tahun 2022 dan juga melancarkan Penandaan Logo Barangan Malaysia.**

Sekian terima kasih